

10 SEP 1999

Abdullah-APEC

MALAYSIA AKAN TERANGKAN LANGKAH KAWALAN MODAL DI PERSIDANGAN APEC

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menerangkan langkah pemulihan ekonomi termasuk kawalan modal terpilih yang perkenalkannya pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di New Zealand.

Beliau percaya hal-hal berkaitan ekonomi di rantau ini dan pendekatan-pendekatan yang diambil oleh Malaysia untuk memulihkan ekonomi akan menjadi antara topik yang dibincangkan semasa sidang kemuncak itu.

"Tindakan Malaysia untuk menggunakan kawalan modal menarik perhatian banyak negara anggota Apec," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Bahasa dan Sastera Negara 1999 di sini, hari ini.

Abdullah yang akan berlepas ke Auckland malam ini, mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sidang kemuncak 21 ketua kerajaan anggota Apec.

"Kita tidak ada sebarang masalah untuk menerangkan segala aspek yang ada hubung kait dengan pendekatan yang kita ambil dan sudah berjaya itu," katanya.

Pendekatan kawalan modal terpilih Malaysia yang sebelum ini dikecam hebat terutamanya pihak asing ternyata berjaya memulihkan ekonomi negara malah lembaga Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam penilaian tahunannya yang dikeluarkan di Washington Rabu lepas memuji strategi Malaysia dalam menangani krisis kewangan yang melanda Asia.

Abdullah berkata, sikap kebanyakan negara anggota termasuk negara yang dilanda masalah ekonomi ialah mematuhi pendekatan IMF untuk terus menjayakan pasaran modal terbuka dan liberalisasi perdagangan yang kononnya boleh menjamin usaha pemulihan ekonomi.

Bagaimanapun, katanya apa yang dilakukan oleh Malaysia adalah berlainan daripada fahaman dan pandangan yang sudah wujud dan dipegang kuat oleh institusi kewangan dan ekonomi antarabangsa.

"Apa yang Malaysia buat (untuk memulihkan ekonomi) adalah lain sama sekali," katanya.

Beliau berkata apa yang penting dalam menghadapi kegawatan ekonomi ialah kerajaan sendiri lebih memahami situasi ekonomi dan mempertahankan dasar-dasar seperti mengimbangi kemajuan Bumiputera dalam ekonomi.

Ditanya mengenai harapan Malaysia pada persidangan APEC kali ini, Abdullah berkata, Malaysia mahu pengakuan bahawa globalisasi, liberalisasi perdagangan dan pembukaan pasaran modal tidak boleh diharapkan sepenuhnya untuk kemajuan ekonomi tanpa mengambilkira tahap kemajuan ekonomi negara-negara yang sedang membangun di rantau ini.

"Ini penting. Kita tidak boleh dipaksa menerima segala-galanya tanpa perkara ini (kemajuan ekonomi negara membangun) diberi perhitungan."

"APEC ialah satu kerjasama ekonomi. Ada rancangan yang hendak dilaksanakan seperti liberalisasi perdagangan tetapi dalam pelaksanaannya itu ia mestilah mengikut kemampuan, tidak boleh dipaksa dan dipercepatkan begitu sahaja," katanya.

Menjawab soalan bahawa tuan rumah dijangka tidak akan memberi perhatian terhadap agenda Malaysia berhubung krisis kewangan, Abdullah berkata: "Kita tidak boleh melupakan apa yang menjadi desakan dan gesaan kita selama ini untuk melihat perubahan dalam sistem kewangan antarabangsa."

"Itu yang penting dan kini sudah ada respons terhadap apa yang kita timbulkan dan IMF perlu memberi perhatian bagaimana ia boleh diubah," katanya.

Ditanya mengenai pendirian Malaysia terhadap kemungkinan isu Timor Timur akan turut dibincangkan pada sidang kemuncak APEC, Abdullah berkata terdapat kemungkinan ia akan ditimbulkan walaupun ianya adalah satu isu politik sedangkan pertemuan di Auckland ialah pertemuan pemimpin-pemimpin ekonomi.

Bagaimanapun, katanya Malaysia hanya akan mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan mengenai hal-hal yang berkaitan ekonomi.

"Pemimpin-pemimpin mungkin rasa terdesak untuk menimbulkan perkara itu tetapi bagi kita (Malaysia) apa yang hendak dibincangkan ialah untuk mengambil perbincangan aktif dalam hal yang berkaitan ekonomi," katanya.

Mengenai tindakan negara-negara maju yang menggunakan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) sebagai satu landasan untuk menindas negara membangun, Abdullah berkata Malaysia akan menolak apa juga langkah yang berbentuk penindasan terutamanya yang tidak berkaitan dengan perdagangan.

"WTO bukan satu forum untuk membolehkan pihak-pihak tertentu menindas pihak yang lain. Ia satu permuafakatan persefahaman untuk menjayakan perdagangan bebas di dunia," katanya.

-- BERNAMA

HS PR